

Utamakan kesetiaan pada parti – Najib

UM-22/7/2007

KUALA TERENGGANU 21 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu ahli-ahli UMNO meletakkan nilai kesetiaan kepada parti sebagai perkara paling utama bagi mengukuhkan perpaduan dan kedudukan parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Presiden UMNO berkata, jika semua ahli UMNO berpegang kepada nilai berkenaan, parti bukan sahaja hampir pasti mencapai kejayaan, malah akan turut mampu mencipta kehebatan.

Menurutnya, dalam perjuangan parti, banyak nilai-nilai penting yang perlu dipegang oleh ahli-ahli seperti kesungguhan melakukan kerja dengan bersemangat dan be-

kerjasama sebagai satu pasukan.

"Namun, pada hemat saya, jika boleh, kita letakkan kesetiaan kepada parti sebagai nilai nombor satu dan jika kita berpegang kepadanya, hampir pasti kita akan mencapai kejayaan," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Nerus di sini hari ini.

Katanya, ahli-ahli UMNO sekarang perlu mengekalkan semangat ahli UMNO pada zaman awal penubuhan parti itu iaitu berjuang dan berkorban tanpa mengharapkan balasan, malah sanggup menyumbangkan harta benda dan kewangan sehingga UMNO kuat dan berjaya.

Beliau mengambil contoh, Wanita UMNO dahulu sanggup memberikan barang kemas mereka seperti rantai dan anting-anting semata-mata mahu membiayai pemergian Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ke London untuk berunding mengenai kemerdekaan negara.

Beliau berharap pemikiran serta semangat tersebut masih hidup dalam sanubari ahli-ahli UMNO hari ini dan ia mesti dipupuk dan dipertahankan sehingga bila-bila.

Tegasnya, ahli-ahli UMNO perlu memikirkan apakah yang mereka boleh sumbangkan kepada parti dan bukannya mempersoalkan balasan yang boleh diberikan parti

kepada mereka.

"Jangan jadikan apa yang parti boleh beri kepada ahli sebagai ukuran apabila menyertai UMNO.

"Ini kerana membina lebuhraya atau bangunan pencakar langit memang mudah dengan syarat ada dana, namun jika mahu mencapai kehebatan kita mesti melengkapkan orang-orang kita dengan nilai perjuangan yang murni, sanggup berkorban dan berjuang habis-habisan untuk mencapai matlamat," ujarnya.

Dalam bidang agama pula, Najib berkata, UMNO menjadikan Islam Hadhari sebagai konsep dalam membangunkan negara ini kerana parti itu ingin membangunkan ta-

madun baru berasaskan Islam yang dihormati oleh orang lain.

Menurutnya, hasil perjuangan UMNO berlandaskan konsep Islam Hadhari, negara kini mula menampakkan kejayaan sehingga boleh dikatakan Pas hampir tidak relevan lagi dalam konteks politik tanah air.

"Saya diberitahu dalam tempoh dua tahun ini, kerajaan Terengganu di bawah Barisan Nasional (BN) sedang membangunkan 60 buah masjid sedangkan dalam tempoh empat tahun Pas memerintah, hanya sebuah masjid didirikan, jadi di manakah relevannya Pas sedangkan jasa UMNO lebih besar," ujarnya.